

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Teliti keperluan beri vaksin TDAP kepada ibu hamil

**Imunisasi
lengkap dapat
lindungi bayi
dari dijangkiti
batuk kokol**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan meneliti keperluan pemberian vaksin kombinasi Tetanus-Difteria-Pertussis (TDAP) kepada ibu hamil.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata ibu hamil yang menerima vaksin pertussis atau batuk kokol dapat melindungi bayi bermula dari dalam kandungan sehingga bayi melengkapkan dos primer vaksin kombinasi enam serangkai seperti Jadual Imunisasi Kebangsaan.

"Berdasarkan situasi semasa, kebanyakan kes batuk kokol di negara ini adalah dalam kalangan bayi berusia kurang dari lima bulan yang belum mencapai tahap imuniti optimum kerana belum lengkap tiga dos primer vaksin pertussis.

"Imunisasi adalah langkah pencegahan batuk kokol yang berkesan. Di negara ini, vaksin itu diberi kepada kanak-kanak secara rutin pada usia dua hingga lima tahun serta 18 bulan.

"Wabak batuk kokol dalam komuniti boleh dicegah dengan memastikan liputan imunisasi sentiasa melebihi 95 peratus

pada setiap masa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Penyakit cegah vaksin

Batuk kokol adalah penyakit cegah vaksin yang disebabkan oleh bakteria *Bordetella Pertussis* sehingga menyebabkan ia menjangkiti mulut, hidung dan tekak dan tersebar melalui udara ketika pesakit bersin atau batuk.

Dr Zaliha berkata, bayi dan kanak-kanak yang tidak mendapat imunisasi lengkap adalah golongan paling berisiko tinggi dijangkiti batuk kokol.

"Batuk kokol boleh menjang-

**Wabak batuk kokol dalam komuniti
boleh dicegah dengan memastikan
liputan imunisasi sentiasa melebihi
95 peratus pada setiap masa**



Dr Zaliha Mustafa,
Menteri Kesihatan

Pertussis (batuk kokol)

Pertussis atau batuk kokol (whooping cough) adalah jangkitan bakteria akut membabitkan saluran pernafasan. Pertussis boleh menjangkiti semua orang tanpa mengira usia. Namun, bayi berusia bawah 6 bulan adalah golongan yang paling berisiko tinggi untuk dijangkiti.

Tanda dan gejala:

Selesema dan batuk
Batuk teruk yang berpanjangan
Kesukaran bernafas
Muka kemerahan
dan kebiruan ketika
serangan batuk
Muntah serta
kelelahan akibat
batuk yang teruk

Komplikasi:

Pneumonia (radang paru-paru)
Apnea (berhenti nafas seketika)
Kesukaran bernafas
Sawan
Kematian



kiti individu lain tanpa mengira usia, terutama golongan rentan dan rendah imuniti.

"Antara gejala dijangkiti penyakit berkenaan termasuk mengalami batuk berpanjangan dalam tempoh satu hingga dua minggu serta boleh berlarutan dua bulan," katanya.

Mengulas mengenai situasi batuk kokol di negara ini, sehingga 28 April sebanyak 132 kes dengan dua kematian dilaporkan di seluruh negara.

"Jika dibandingkan bagi tempoh yang sama iaitu sehingga 28 April pada 2019, sebanyak 495

kes dicatatkan dengan penurunan sebanyak 73.3 peratus.

"Daripada 132 kes pertussis yang dilaporkan, 89 kes (67.4 peratus) adalah warganegara, manakala 43 kes (32.6 peratus) warga asing.

"Bayi bawah 12 bulan adalah kumpulan umur yang mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 67 kes (50.8 peratus), manakala kanak-kanak berumur di antara satu hingga 10 tahun mencatat sebanyak 47 kes (35.6 peratus) dan selebihnya berumur 11 tahun dan ke atas," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

132 kes batuk kokol dengan dua kematian

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan sebanyak 132 kes pertussis atau batuk kokol di negara ini setakat 28 April lalu dengan melibatkan dua kematian.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, jumlah itu menurun berbanding tempoh sama tahun 2019 yang mana mencatatkan sebanyak 495 kes.

"Daripada 132 kes itu, 89 kes (67.4 peratus) adalah warganegara, manakala 43 kes (32.6 peratus) lagi bukan warganegara. Bayi berumur bawah 12 bulan adalah kumpulan umur yang mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 67 kes (50.8 peratus).

"Kanak-kanak berumur di antara 1 tahun hingga 10 tahun pula mencatatkan sebanyak 47 kes (35.6 peratus), manakala selebihnya berumur 11 tahun dan ke atas," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dr. Zaliha berkata, imunisasi adalah langkah pencegahan pertusis berkesan dan vaksin diberikan kepada kanak-kanak secara rutin pada umur 2, 3, 5 dan 18 bulan.

"Wabak pertussis dalam komuniti boleh dicegah dengan memastikan liputan imunisasi pertussis sentiasa melebihi 95 peratus pada setiap masa.

"Berdasarkan situasi semasa, kebanyakan kes juga dalam kalangan bayi berumur kurang dari lima bulan yang belum mencapai tahap imuniti optimum kerana belum lengkap tiga dos primer vaksin pertussis," jelasnya.

Tambahnya, KKM sedang meneliti keperluan pelaksanaan pemberian vaksin kombinasi Tetanus-Difteria-Pertussis (Tdap) kepada ibu hamil bagi melindungi bayi bermula dari dalam kandungan.



BATUK kokol adalah jangkitan bakteria akut melibatkan saluran pernafasan. - GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Penerima organ tidak didahulukan kepada orang kaya atau berpangkat sahaja

Tiada aktiviti jual organ dalam negara

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Kegiatan haram penjualan organ tidak wujud di negara ini kerana aktiviti pemindahan organ dikawal rapi oleh Kementerian Kesihatan (KKM), sebaliknya pengkomersialannya hanya dilaporkan berlaku di luar negara.

Pengurus Klinikal Pendermaan Organ Kebangsaan Kanan, Dr. Hasdy Haron berkata, di Malaysia, banyak kes penjualan organ telah dilaporkan, namun siasatan polis berakhir dengan tiada kegiatan itu berlaku di negara ini.

"Kekurangan penderma organ menyebabkan terdapat tanggapan wujudnya kegiatan pasaran gelap penjualan organ untuk dibeli dalam kalangan individu yang memerlukannya. Namun, tiada aktiviti sebegitu di negara ini.

"Malaysia telah menandatangani *The Declaration of Istanbul on Organ Trafficking and Tourism Transplant* pada 2008 iaitu organ untuk transplantasi perlu diagihkan secara saksama dan komersialisasi transplantasi organ dilarang," katanya kepada *Kosmo!*.

Dr. Hasdy memberitahu, pemindahan organ bukanlah sesua-



KATEGORI organ yang paling banyak diperlukan pesakit kronik adalah buah pinggang. – GAMBAR HIASAN

tu yang mudah kerana pengurusan masa amat penting berikutan setiap organ mempunyai tempoh ketahanan berlainan.

Contohnya, jantung dan paru-paru perlu segera dipindahkan kepada penerima dalam tempoh empat hingga enam jam selepas

saluran darah utama penderma diikat.

"Hati pula melibatkan tempoh lapan hingga 12 jam sementara buah pinggang adalah 24 jam," ujarnya.

Mengulas berkaitan stigma segelintir masyarakat bahawa

KERATAN *Kosmo!* semalam.

penerima organ didahulukan kepada golongan berada atau mempunyai kedudukan tertentu, Dr. Hasdy menjelaskan, urutan penerima dibuat secara telus serta

mempunyai kriteria tertentu.

"Contohnya kesesuaian iaitu jenis darah yang sama, tisu sama. Kalau terima organ asing, imun sistem akan menolak.

"Kriteria juga memfokuskan julat masa seseorang itu berada dalam senarai menunggu selain keseriusan keadaan penerima," katanya.

Jelasnya, apabila selesai melakukan transplan adalah mengkehendaki penerimanya mengambil ubat anti-penolakan sepanjang hayat dan diberikan percuma kepada mereka yang melakukan transplan dalam negara.

"Kita mempunyai rekod dan mengetahui mereka yang membuat transplan di luar negara.

"Mereka (yang membuat pemindahan organ di luar negara) perlu membeli ubatan yang berharga antara RM3,000 hingga RM4,000 sebulan. Ubatan ini hanya boleh diberikan oleh hospital kerajaan," katanya.

Kosmo! semalam melaporkan, setelah hampir 47 tahun, penderma organ selepas kematian di negara ini hanya 811 individu berbanding jumlah menunggu kini 10,077 orang.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Semua orang berisiko

Pakar beri amaran risiko
terkena strok haba jika
terdedah kepada
cuaca panas

KUALA LUMPUR

Strok haba berisiko untuk terjadi kepada semua orang sekiranya terdedah kepada persekitaran panas melampau tanpa mengira tahap kesihatan diri seseorang.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan, Dr Norlen Ahmad berkata, golongan warga emas, kanak-kanak dan mereka yang mempunyai penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi dan obesiti bagaimanapun lebih berisiko mendapat strok haba.

"Warga emas lebih berisiko tinggi kerana biasanya mempunyai pelbagai penyakit yang membuatkan mereka lebih sensitif dan mekanisme pengeluaran pe-

luh atau kawalan suhu badan tidak lagi cekap," katanya ketika program Jendela Fikir, siaran *Bernama Radio* pada Rabu.

Dr Norlen berkata, strok haba adalah satu kecemasan perubatan yang boleh berlaku secara pantas dan langkah segera perlu diambil untuk mengurangkan suhu badan bagi mengelakkan mangsa mengalami kondisi lebih serius seperti kegagalan fungsi otak, sawan dan yang paling serius mendatangkan maut.

Katanya, antara langkah segera yang boleh diambil adalah meletakkan tuala basah di atas kepala, bawah ketiak, tepi paha serta tengkuk mangsa selain memindahkan mangsa ke tempat yang lebih sejuk dan redup.

"Tempat-tempat tersebut merupakan laluan saluran darah besar dan meletakkan tuala basah akan mempercepatkan proses alihan haba dalam badan dan seterusnya mengurangkan suhu teras badan," jelasnya.

Menurutnya, antara langkah pen-



FOTO: BERNAMA

Seorang murid sekolah menutup kepala dengan buku susulan cuaca panas di Kuala Terengganu pada Rabu.

cegahan yang boleh diambil orang ramai adalah mengurangkan aktiviti fizikal di kawasan panas.

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan amaran beberapa kawasan di Semenanjung dan Sabah diramal mengalami cuaca panas Tahap 1 (berjaga-jaga) sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut dengan suhu maksimum sehingga 35 dan 37 darjah Celsius bagaimanapun keadaan itu dijangka reda dalam beberapa hari lagi.

JKNK bincang dengan beberapa agensi

KOTA BHARU - Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) telah mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak termasuk agensi pengurusan bencana negeri berikutan fenomena cuaca panas yang melanda ketika ini.

Pengarahnya, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, perbincangan itu melibatkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Jabatan Penerangan Kelantan, Jabatan Penyiaran Negeri Kelantan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Menurutnya, pertemuan itu bagi mengetahui langkah yang boleh diambil oleh setiap agensi untuk berdepan dengan cuaca panas yang dijangka berlarutan sehingga Ogos.

"Sebagai contoh, menerusi pertemuan semalam (Selasa) JPN telah beri penerangan mengenai langkah yang telah diambil memandangkan situasi sekarang mempunyai amaran Tahap 1, 2, 3 dan 4.

"Setakat ini saya berpuas hati dengan penerangan diberikan.

"Bagaimanapun, dari segi skop JPN ia bukan hanya melibatkan jabatan namun ibu bapa juga perlu memainkan peranan untuk memastikan anak mereka tidak terdedah kepada pancaran matahari dalam tempoh yang lama," katanya. - *Bernama*

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEWS / NATION

WET TOWEL

HEATSTROKE RISK IN SCORCHING HEAT

Expert urges elderly, children and those with chronic diseases to exercise caution

KUALA LUMPUR

H EATSTROKE is a risk for those exposed to an extremely hot environment, regardless of their level of health, said a public health expert at the Health Ministry yesterday.

Physician Dr Norlen Ahmad said the elderly, children and those with chronic diseases, such as diabetes, high blood pressure and obesity were more at risk of heatstroke.

"The elderly are more at risk because they have diseases that make them more sensitive and their sweat production mechanism or body temperature control is no longer efficient," she said on Bernama Radio's Jendela Fikir programme.

Dr Norlen said heatstroke was a medical emergency that could

happen quickly, and immediate steps must be taken to reduce body temperature to prevent victims from experiencing more serious conditions, such as brain function failure, convulsions and death.

She said wet towels could be placed on victims' forehead, underarms, thighs and neck, in addition to moving them to a cooler and dim place.

Dr Norlen said: "Placing a wet towel on those parts of the body will reduce body temperature."

She said people should reduce physical activity in hot areas, drink more water, especially plain water, wear loose and thin clothes, and monitor the health of family members at risk.

Last week, an 11-year-old boy from Kampung Perupok, Bachok Kelantan, died at Balai Health Clinic, Bachok, due to heatstroke and dehydration.

The Department of Meteorology Malaysia said some areas in the peninsula and Sabah would experience Level 1 hot weather with temperatures of up to 37°C.

The situation is expected to improve in a few days. **Bernama**



A pupil cooling off by splashing water on his face at SK Serada, Kuala Terengganu, yesterday. **BERNAMA** PIC

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / NATION

SINCE MARCH 25

Kelantan reports 39 cases of firecracker-related injuries

KOTA BARU: There have been 39 cases of firecracker-related injuries in Kelantan from March 25 until yesterday.

"Two victims were referred to medical specialists as they sustained serious injuries," said Kelantan Health Department direc-

tor Datuk Dr Zaini Hussin yesterday.

"Twenty-three victims were warded for further treatment," he said, adding that the rest received outpatient treatment.

The injuries included broken fingers and burns to parts of the

body such the face and eyes.

Among the victims were children aged around 9 and 10 years.

Dr Zaini said 10 cases were treated at Hospital Raja Perempuan Zainab II and nine at Hospital Tanah Merah.

There were four cases each at Hospital Gua Musang and Hospital Tengku Anis in Pasir Puteh, three each at Hospital Sultan Ismail Petra in Kuala Krai and Hospital Jeli, two each at Hospital Tumpat and Hospital Machang, and one at Hospital Pasir Mas.